

AGIHAN ZAKAT SECARA MIKRO KREDIT: ANALISIS DARIPADA PERSPEKTIF MASLAHAH

Distribution of Zakah Fund Through Micro Credit: An Analysis from
Maslahah Perspective

NURUL ILYANA MUHD ADNAN
ZAHRI HAMAT
MOHAMMAD ZAINI YAHAYA
MAT NOOR MAT ZAIN

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menganalisis secara teoritikal pengagihan dana zakat kepada penerima zakat dalam bentuk mikro kredit. Agihan zakat secara mikro kredit bermaksud agihan diberikan kepada asnaf dalam bentuk pembiayaan modal. Agihan tersebut diberikan kepada asnaf yang ingin memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan. Persoalannya, apakah zakat boleh diagihkan dalam bentuk mikro kredit? Sedangkan zakat adalah pindahan hak milik pembayar zakat kepada penerima zakat. Apatah lagi agihan dibuat secara al-qard al-hasan. Berdasarkan pandangan ulama klasik, dapatan analisis mempamerkan bahawa asas yang boleh dipakai untuk mekanisme bantuan modal dalam bentuk mikro kredit ialah masalah mursalah. Berdasarkan maqasid al-shari'ah, pengagihan dana zakat dalam bentuk mikro kredit adalah dibenarkan. Ini kerana dari perspektif masalah, bentuk agihan sebegini merupakan bantuan bermatlamat jangka panjang dengan harapan penerima zakat akan bertukar menjadi pembayar zakat suatu hari nanti.

Kata kunci: Mikro kredit, Dana Zakat, *Maslahah*, *Qard al-Hasan*, Asnaf

ABSTRACT

This article aims to analyse theoretically on distribution of zakah fund to its receiver in the form of micro credit. The distribution of the zakah through micro credit means distribution was given to asnaf in the form of capital funding. The distribution is distributed to the asnaf who is interested in initiating or expending their business. The issue is that, is the zakah can be distributed in the form of micro credit? It is because the zakah is moving the rights of the zakah payer to the receiver. Furthermore, the distribution is made through qard al-hasan. Based on classical scholars, analysis of study shows that basic rule for applying mechanism of capital assistance in the form micro credit is through masalah mursalah. Based on the maqasid Sharia, distribution of the zakah fund in the form of micro credit is permissible. This is due to the masalah perspective, this form of distribution is aiming for a long-term assistance, with the hope that the zakah receiver will be transformed as the zakah payer, in future.

Keywords: Micro Credit, Zakah Fund, *Maslahah*, *Qard al-Hasan*, Asnaf.

PENGENALAN

Perkembangan institusi pengurusan zakat dan tahap profesionalisme yang tinggi di Malaysia telah menjadikan mereka disegani dan menjadi contoh kepada institusi-institusi agama yang lain sama ada dalam atau luar negara. Reaksi positif daripada ini ialah keyakinan dan sokongan umat Islam terhadap institusi zakat. Natijahnya ialah kutipan

yang semakin meningkat dari tahun ke tahun dan kesedaran mengenai kewajipan berzakat yang semakin tinggi (Mohamad Kamil 2009).

Apabila kutipan semakin meningkat, agihan turut dapat ditingkatkan. Jika ini dapat dibuat secara berterusan akan memberi kesan dalam merapatkan jurang di antara golongan miskin dengan golongan kaya. Malah dalam jangka masa panjang kemungkinan ia dapat membantu golongan miskin keluar daripada belenggu kemiskinan. Bagi golongan kaya pula, mereka berpeluang untuk membantu golongan miskin di samping dapat membersihkan harta mereka dan seterusnya mendapat pahala daripada Allah SWT.

Pengagihan zakat ialah komponen kedua yang paling asas dalam pengurusan zakat. Agihan yang baik dan berkesan menunjukkan prestasi baik institusi zakat dan kerajaan pada pandangan pembayar.

Agihan zakat ini boleh dibuat dalam dua bentuk. Pertama ialah dalam bentuk sara diri yang bermaksud untuk membiayai keperluan harian mereka. Kedua ialah dalam bentuk produktif yang bermaksud untuk menjanakan pendapatan secara berterusan (Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid 2008). Antara kaedah pengagihan dalam bentuk produktif adalah melalui mikro kredit. Persoalannya, adakah agihan zakat dalam bentuk produktif secara mikro kredit dibenarkan oleh syarak? Hal ini kerana kaedah agihan melalui mikro kredit merupakan sebahagian daripada isu muamalah kerana tiada nas terperinci berhubung hukumnya. Ini menunjukkan ia tergolong dalam masalah ijtihadi. Tambahan pula, pemberian modal kerja dalam bentuk mikro kredit yang ditawarkan ketika ini tidak bebas daripada unsur-unsur riba.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Terdapat lapan golongan (asnaf) yang layak menerima agihan zakat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dalam surah al-Tawbah 9:60 yang bermaksud:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Di Malaysia, pusat-pusat zakat dan Baitulmal mengagihkan zakat menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan dalam menyalurkan bantuan kepada golongan asnaf. Agihan zakat boleh dibuat melalui dua kaedah iaitu pertama agihan secara konsumtif dan kedua agihan secara produktif. Agihan secara konsumtif disalurkan dalam bentuk saraan bulanan, bantuan khas bayaran sewa rumah atau bantuan pendidikan. Bantuan jenis ini bertujuan untuk membantu fakir miskin meneruskan kehidupan supaya dapat memenuhi keperluan asas yang dikehendaki. Bantuan produktif pula adalah bantuan berbentuk modal sama ada dalam bentuk tunai mahupun peralatan. Bantuan modal ini bertujuan untuk membantu golongan asnaf fakir dan miskin mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik

iaitu daripada golongan penerima zakat kepada golongan pembayar zakat (Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid 2008).

Kedudukan ini berdasarkan tindakan Sayyidina Umar al-Khattab yang pernah mengarahkan petugas zakatnya dengan berkata (Abu Ubayd 1981: 502):

Apabila mengagihkan zakat kepada orang-orang miskin, berilah dengan berlebihan agar mereka berpuashati, ulangi memberikannya kepada mereka walaupun mereka mendapat seratus ekor unta.

Bagi bantuan zakat berbentuk skim bantuan perniagaan, golongan sasaran utama penerima bantuan ialah terdiri dalam golongan asnaf fakir dan miskin. Di Wilayah Persekutuan misalnya, penentuan golongan fakir dan miskin tertakluk kepada pengiraan *hadd al-kifayah* yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dan Mesyuarat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Kadar bantuan modal yang diberikan tertakluk kepada pemberian sebanyak RM5,000 bagi pemberian kali pertama. Skim bantuan modal perniagaan ini mendapat sambutan daripada golongan asnaf fakir dan miskin memandangkan syarat yang ditetapkan ini agak mudah seperti hanya perlu menunjukkan bukti menerusi lesen perniagaan tanpa dikenakan syarat lain seperti menunjukkan rekod kemajuan perniagaan, pelan rancangan perniagaan, tidak perlu menyediakan cagaran, penjamin dan yang ketara sekali bantuan yang disediakan adalah 100 peratus percuma tanpa dikenakan sebarang bayaran balik (Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid 2008).

Walaupun demikian, banyak kajian mengatakan bantuan modal yang diberikan ini kerap mengalami kegagalan berbanding bantuan modal perniagaan secara mikro kredit (Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad & Hairunnizam 2008). Selain daripada kurang latihan, kurang pemantauan, kurang motivasi dan sebagainya, sebab utama ialah modal perniagaan yang diberikan sekarang ialah modal hangus dan percuma. Penerima beranggapan jika mereka gagal, tidak mengapa kerana mereka boleh memohonnya semula. Akibatnya penerima bantuan mempunyai motivasi yang rendah, tiada komitmen dan berakhir dengan kegagalan. Mereka beranggapan zakat sebagai bantuan berciri ihsan yang menjadi hak golongan fakir miskin (Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid 2008). Sedangkan tujuan utama zakat ialah untuk membasmi kemiskinan dan menjana ekonomi asnaf dan bukannya menerima bantuan seumur hidup tanpa berbuat apa-apa.

Justeru, sekiranya zakat diberikan dalam bentuk mikro kredit, komitmen dan motivasi mereka akan lebih tinggi. Mereka akan mempunyai rasa tanggungjawab untuk membayar balik pinjaman yang diberikan. Jika mereka gagal, pinjaman tersebut dikira lupus dan mereka tidak akan diberi pinjaman untuk kali kedua.

Trend menunjukkan kutipan zakat semakin meningkat daripada tahun ke tahun (Mohamad Kamil 2009). Namun pada masa yang sama, tiada jaminan wang zakat boleh dikutip berterusan dan jumlah kutipan akan bertambah setiap tahun. Bagaimanakah sekiranya suatu hari nanti jika negara kekurangan dana zakat? Golongan asnaf yang perlu dibantu pula semakin bertambah. Sedangkan dana zakat adalah terhad malah mungkin akan berlaku kekurangan dalam kutipan tahunan. Apatah lagi pemberian modal kerja

dalam bentuk mikro kredit yang ditawarkan ketika ini dikatakan tidak bebas daripada unsur-unsur riba (Raziah Md. Tahir 2010).

Untuk mengelakkan hal ini berlaku, satu alternatif baru harus dicari. Salah satu cara yang dicadangkan ialah bantuan modal perniagaan dalam bentuk mikro kredit diberi kepada asnaf zakat yang berminat menjadi usahawan. Modal ini diberi kepada mereka untuk memulakan perniagaan dan sebagai modal pusingan. Modal tersebut adalah daripada dana zakat. Jika modal perniagaan dalam bentuk mikro kredit yang diberikan oleh institusi kewangan boleh berjaya, mengapa tidak dana zakat?

Dengan menggerakkan dana zakat secara lebih aktif, adalah menjadi harapan agar zakat dapat menyelesaikan masalah perbezaan yang berlaku antara manusia membabitkan rezeki di mana ia merupakan realiti sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nahl 16:71 yang bermaksud:

Dan Allah telah melebihkan sebahagian dari kamu atas sebahagian yang lain pada rezeki yang dikurniakan Allah.

MAQASID AL-SHARI'AH DAN AL-MASLAHAH AL-MURSALAH

Menurut Kamus Munjid (2001), *maqasid* adalah jamak bagi *qasada* yang bermaksud tujuan atau objektif. Syariah dari segi bahasa bermaksud aliran dan jalan yang lurus (Mohd Saleh Ahmad 1999). Manakala dari segi istilah ia bermaksud hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah SWT untuk hamba-Nya yang berkaitan aqidah, ibadat, akhlak, muamalat dan sistem-sistem hidup dalam pelbagai aspek demi kebahagiaan dunia dan akhirat (al-Marbawi 1935).

Menurut al-Zuhayli (1998), *maqasid al-shari'ah* ialah makna-makna dan matlamat mutlak yang dirumuskan dalam semua hukum atau kebanyakannya atau ia adalah matlamat syarak dan rahsia yang diletakkan oleh Allah sebagai pembuat undang-undang bagi setiap hukum dan hukum-hukumnya. Dengan kata lain, *maqasid al-shari'ah* ialah objektif syarak atau tujuan syariat.

Maslahah dari segi bahasa bererti kebajikan. Jamaknya *masalih*. Ia merupakan lawan dari perkataan *mafsadah* yang bermaksud kerosakan dan kebinasaan. *Maslahah* bererti sesuatu yang membangkitkan kebaikan dan keuntungan. Secara istilah, *maslahah* yang dimaksudkan dalam pemahaman syariah ialah pemeliharaan terhadap kehendak syariah dan menolak kerosakan.

Menurut al-Shatibi (2005), prinsip-prinsip *maqasid al-shari'ah* ialah menyuruh mendapatkan kebaikan dan menjauhkan daripada mendatangkan kerosakan. Oleh itu, *maslahah* tidak boleh diabaikan dan *mafsadah* tidak harus dihampiri.

Pendekatan *maslahah* al-Shatibi diguna pakai kerana pendekatan *al-maslahah al-mursalah* yang digunakan berdasarkan konsep *al-munasib* (yang sesuai). Pendekatan ini ada kesesuaian antara *maslahah* yang dipertimbangkan dengan tujuan-tujuan umum syariah yang tiada dalil khusus mengenai hukum sesuatu perkara baru. Al-Shatibi (2005) mengatakan tidak semua pemeliharaan kemaslahahan yang menjadi tujuan syariah berada pada peringkat yang sama. Beliau membahagi kemaslahahan yang ingin dicapai syariah kepada tiga peringkat iaitu *al-daruriyyah* (*necessity*), *al-hajjiyyah*

(*complimentary*) dan *al-tahsiniyyah* (*embellishment*).¹ Ketiga-tiga peringkat *maqasid* ini saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.

Para ulama' telah sepakat bahawa tingkat kemaslahatan yang bersifat *al-tahsiniyyah* berbeza dengan *al-hajiyyah*, begitu juga dengan *al-daruriyyah*. Kemaslahatan yang bersifat *al-daruriyyah* mestilah diutamakan. Oleh itu, jika terjadi pertembungan antara kemaslahatan *al-tahsiniyyah* dengan *al-hajiyyah*, maka syariah mendahulukan kemaslahatan *al-hajiyyah*. Jika salah satu *al-hajiyyah* atau *al-tahsiniyyah* bertentangan dengan kemaslahatan *al-daruriyyah*, maka masalah *daruriyyah* lebih diutamakan. Pencapaian masalah yang bersifat *al-tahsiniyyah* hanya boleh dilakukan apabila keperluan *al-daruriyyah* dan *al-hajiyyah* telah dipenuhi. Ada beberapa kaedah yang berhubung kait dalam hal ini:

إذا تعارضت مفسدتان رُوعى أعظمها ضررا بارتكاب أخفها

Maksudnya: Apabila ada dua kerosakan, maka dibolehkan melakukan kerosakan yang lebih kecil dampaknya dan lebih sedikit keburukannya (al-Suyuti 1998: 117).

الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف

Maksudnya: Untuk menghalangi kemudaratan yang lebih besar maka dibolehkan melakukan kemudaratan yang lebih kecil (Zarqa' 1989: 199).

Jika kemudaratan individu bertentangan dengan kemudaratan masyarakat, maka menghilangkan kemudaratan masyarakat lebih diutamakan. Hal ini kerana melindungi masyarakat juga termasuk melindungi individu. Sebaliknya, jika hanya melindungi individu belum tentu melindungi kemaslahatan masyarakat. Ini bersandarkan kepada kaedah (Zarqa' 1989: 197):

يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام

Maksudnya: Untuk menghalangi kemudaratan yang akan menimpa orang banyak, maka dibolehkan melakukan kemudaratan yang akan menimpa seseorang.

Hal ini disokong oleh Imam al-Qarafi (1995):

Segala perintah syariah bergantung kepada kemaslahatan sebagaimana larangan bergantung kepada *mafsadah*. Maka jika kemaslahatan itu di tingkat paling rendah, di situ ada hukum yang dipanggil sunat dan jika di tingkat paling tinggi, maka martabatnya adalah wajib. Kemudian kemaslahatan tersebut meningkat bersama sunat ke tingkat yang lebih tinggi dari sunat tapi berada di bawah tingkat wajib. Begitu pula tingkat *mafsadah*, jika pada peringkat paling rendah, maka di situ adanya hukum makruh. Hukum makruh ini meningkat dengan meningkatnya *mafsadah* sehingga ia sampai ke tingkat makruh paling tinggi di bawah tingkat haram, sedangkan jika ia di tingkat paling tinggi, maka dikenali dengan haram.

¹ *Maslahah daruriyyah* ialah segala aspek yang bersifat kemestian dalam kehidupan manusia dan oleh itu ia wajib ada sebagai syarat mutlak dalam kehidupan dan kemaslahatan manusia. *Maslahah hajiyyah* ialah segala yang menjadi keperluan dalam kehidupan supaya kehidupan mereka bahagia dan sejahtera serta terhindar daripada kemelantaran. *Maslahah tahsiniyyah* ialah suatu keperluan dalam kehidupan yang sifatnya sebagai pelengkap dan menyempurnakan kesejahteraan kehidupan manusia.

Jelas di sini menolak *mafsadah* adalah wajib demi tegaknya kemaslahahan. Prinsip ini menggambarkan bagaimana Islam sangat prihatin terhadap kepentingan awam berbanding kepentingan individu. Hal ini memberikan petunjuk penting dalam membuat keputusan yang bijak dalam menghadapi perubahan-perubahan signifikan yang terjadi dalam kehidupan sosial masyarakat. Terutamanya ketika tiada nas al-Quran dan al-Hadis yang menjelaskan secara terperinci. Kerangka inilah yang boleh dijadikan sebagai landasan dalam melaksanakan pengagihan dana zakat ke arah lebih berkesan.

Di samping itu, para ulama telah meletakkan beberapa syarat untuk mengguna pakai masalah sebagai landasan hukum. Antaranya ialah:

1. Masalah tersebut mesti bersesuaian dengan *maqasid al-shari'ah*. Al-Shatibi (t.th.) menyatakan bahawa sesuatu asas syarak yang tiada nas berkenaannya dan menepati trend syarak ia adalah sesuatu yang sah. Sesuatu hukum yang diperoleh melalui gabungan beberapa nas boleh dianggap sebagai *qat'i* dan termasuk dalam kategori *al-masalih al-mursalah*.
2. Masalah tersebut mestilah dalam perkara-perkara logik bukan perkara-perkara yang tidak menerima logik seperti perkara-perkara *ta'abbudiyah* (al-Shatibi t.th.). Jika terlibat perkara-perkara tersebut hendaklah dirujuk kepada nas bukan masalah.
3. Masalah tersebut mestilah tidak bercanggah dengan nas yang bersifat *qat'i al-thubut* dan *qat'i al-dalalah*. Namun jika nas tersebut bersifat *zanni al-dalalah* atau *zanni al-thubut*, sedangkan masalah bersifat *qat'i* masalah boleh mengkhususkan nas tersebut menurut sebahagian ulama' ('Abd Allah 2000).
4. Masalah itu bersifat umum dan dapat memberi faedah kepada ramai manusia. Oleh itu seorang mujtahid mestilah memastikan bahawa masalah yang hendak dijadikan sandaran hukum tersebut skopnya luas bukan hanya memberi manfaat kepada sekelompok manusia tetapi mengabaikan yang lain ('Abd Rahim 1431H/2010M).
5. Jika terdapat masalah yang berlawanan dengannya hendaklah dipastikan masalah yang akan dipilih ialah yang lebih penting dan utama. Menurut al-Buti (1402H/1982M), terdapat tiga elemen yang menjadi asas pertimbangan antara masalah yang saling bercanggah:
 - i. Kedudukan masalah tersebut sama ada berada pada tahap *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*, maka hendaklah didahulukan masalah yang bersifat *daruriyyat*, kemudian *hajiyyat* dan terakhirnya *tahsiniyyat*. Jika ia berada pada tahap yang sama, elemen yang seterusnya dilihat;
 - ii. Skop masalah tersebut, di mana yang lebih umum didahulukan berbanding yang lebih khusus. Jika ia berada pada tahap yang sama, elemen yang seterusnya pula dilihat;
 - iii. Masalah yang lebih pasti tercapai. Jika sesuatu masalah itu lebih pasti akan tercapai, ia didahulukan berbanding masalah yang kurang pasti.

MAQASID PENGAGIHAN ZAKAT DAN PENGAGIHAN SECARA MIKRO KREDIT

Pengagihan zakat bermaksud pembahagian dana zakat kepada golongan yang berhak menerimanya. Oleh itu, zakat perlu dibelanjakan mengikut syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan dalam ruang lingkup yang dibenarkan.

Menurut Abdul Aziz Muhammad (1993), zakat perlu diagihkan kepada setiap golongan yang berhak menerima zakat diberi hak mereka. Sekiranya salah satu golongan yang berhak tidak wujud seperti *al-riqab*, bahagian tersebut perlu diagihkan kepada fakir miskin. Beliau turut mencadangkan supaya cara agihan zakat dikaji semula agar ia benar-benar berfaedah kepada penerima.

Terdapat zakat yang tidak dapat diagihkan lalu dilaburkan. Ahmad Hidayat Buang (1999) menekankan tentang lebih wang zakat atau *al-fayd* yang telah dilaburkan di institusi-institusi kewangan dan pelaburan. Hal ini menimbulkan persoalan dari segi hukum kerana wang zakat walaupun tidak dibelanjakan atas sebab-sebab tertentu seperti pentadbiran mesti dihabiskan perbelanjaannya.

Golongan yang layak menerima agihan zakat telahpun ditetapkan oleh Allah SWT dalam surah al-Tawbah 9:60 telah menyebut lapan golongan asnaf yang berhak menerima dana zakat. Lapan golongan penerima zakat atau asnaf yang berhak menerima dana zakat ini dikenali sebagai asnaf lapan. Allah SWT dalam surah al-Tawbah 9:60 menggunakan lafaz *li* dan *fi* semasa menyebut golongan yang berhak menerima dana zakat. Lafaz *li* digunakan untuk asnaf fakir, miskin, amil dan mualaf. Manakala lafaz *fi* pula disebut sebanyak dua kali. Pertama ialah untuk hamba dan orang yang berhutang. Kedua ialah *fi sabilillah* dan *ibn al-sabil*.

Menurut Hasanah Abd Khafidz (2006),² dalam ayat ini penggunaan lafaz *li* menunjukkan Allah SWT menyatakan pemilikan harta zakat adalah hak mutlak golongan fakir, miskin, amil dan mualaf. Golongan ini mempunyai kebebasan untuk menggunakan harta yang diterima mengikut kehendak masing-masing.

Manakala penggunaan lafaz *fi* dalam pengagihan zakat kepada golongan hamba, orang yang berhutang, *fi sabilillah* dan *ibn al-sabil* pula, kebanyakan ulama' menyatakan ia adalah berkaitan dengan kemaslahatan. Mereka sama sekali tidak mempunyai hak peribadi terhadap harta tersebut.

Walaupun golongan fakir, miskin, amil dan mualaf mempunyai hak mutlak terhadap pemilikan harta zakat, tetapi kaedah perpindahan hak milik itu boleh disesuaikan mengikut keperluan dan keadaan semasa. Hal ini kerana antara tujuan zakat ialah untuk pembangunan asnaf zakat sama ada dalam bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan kerohanian (Mujaini Tarimin 2005). Nabi Muhammad SAW memberi perhatian yang serius terhadap isu kemiskinan. Baginda telah menjelaskan kepada para sahabat bahawa

² Menurut Hasanah Abd Khafidz (2006), lafaz *li* ini berasal daripada huruf *lam* yang tergolong dalam huruf *lam al-idafah* iaitu *lam* yang digunakan bagi menyandarkan sesuatu kepada pemiliknya atau menisbahkan sesuatu yang boleh dimiliki kepada orang yang berhak memilikinya. Antara *lam al-idafah* ialah *lam al-milk* iaitu pemilikan dan *lam al-tamlik* iaitu pindahan hak milik. Manakala Lafaz *fi* pula tergolong dalam *al-harf* iaitu perkataan yang tidak menunjukkan apa-apa makna jika bersendirian. Ia akan memberikan makna jika diletakkan dengan perkataan lain dalam susunan ayat.

zakat perlu dibelanjakan untuk membantu golongan miskin. Imam Abu Hanifa r.a. telah mengikuti langkah ini dan mengisytiharkan bahawa zakat hanya digunakan untuk kebajikan golongan miskin (al-Qaradawi 1994). Sehubungan dengan itu, para ulama' Islam telah bersependapat bahawa keutamaan dalam agihan zakat ialah untuk membasmi kemiskinan. Dalam bidang ekonomi, salah satu kaedah yang dipakai ialah melalui pengagihan zakat melalui zakat produktif.

Ulama' klasik sama ada dalam kalangan ulama' Shafi'i atau Hanbali telah membahaskan pengagihan zakat produktif melalui penyediaan modal kerja. Hal ini turut disokong oleh Abdul Aziz (2010), yang menyatakan bahawa dana zakat berpotensi menjadi salah satu sumber bagi kewangan Islam.³

Ulama' mazhab Shafi'i (476H) dan mazhab Hanbali (1230H) mengharuskan modal kerja diagihkan kepada asnaf. Imam al-Nawawi (1996)⁴ telah membahaskan secara khusus tentang modal kerja. Beliau merumuskan, pertama, modal kerja boleh disediakan dalam bentuk tunai ataupun peralatan sesuai dengan kemahiran masing-masing. Contohnya peralatan pertukangan disediakan kepada tukang kayu dan modal perniagaan disediakan kepada peniaga atau pedagang. Kedua, amaun modal perniagaan diagihkan sesuai dengan bidang perniagaan yang diceburi. Peniaga sayur-sayuran dan buah-buahan misalnya sebanyak lima hingga dua puluh dinar. Peniaga minyak wangi sebanyak satu ribu dinar, penjual pakaian sebanyak dua ribu dinar, pengurup wang sebanyak lima ribu dinar dan perniagaan intan berlian sebanyak sepuluh ribu dinar.

Imam al-Nawawi turut menyebut, agihan dalam bentuk pelaburan boleh disediakan kepada penerima zakat yang tidak produktif. Misalnya penerima zakat yang tidak mampu berniaga disebabkan sakit kekal atau tiada kemahiran walaupun diberikan latihan, mereka bolehlah diberikan zakat dalam bentuk pelaburan. Hasil dari pelaburan tersebut diberikan kepada mereka untuk kegunaan diri sendiri dan tanggungan. Pelaburan tersebut boleh dijadikan harta pusaka.

Ulama' kontemporari seperti al-Zarqa' (1989) dan al-Qaradawi (1984) berpendapat bahawa pengagihan dibolehkan dibuat dalam bentuk pelaburan dengan sedikit perubahan untuk menambah sumber pendapatan dan menampung pendapatan tetap penerima zakat. Pemerintah dibolehkan membuat pelaburan dalam projek-projek perkilangan dan perladangan bagi pihak penerima zakat dengan syarat pelaburan tersebut dimiliki oleh penerima zakat. Mereka berpendapat pengagihan zakat melalui mikro kredit dalam bentuk akad *al-qard al-hasan*, akad *mudarabah* dan akad *murabahah* dibenarkan (al-Qaradawi 2002). Ini kerana bayaran balik kepada pemerintah bukanlah bermakna dana zakat tersebut menjadi hak pemerintah. Bayaran balik itu sebenarnya dana zakat

³ Abdul Aziz ialah seorang Pengarah di *Al-Hayat International School*, Jeddah.

⁴ al-Nawawi (1996) menyebut: "Fakir dan miskin harus mendapat agihan zakat dalam bentuk modal pelaburan seperti dibelikan alat-alat mengikut kemahiran masing-masing supaya mereka boleh mendapat keuntungan demi memenuhi keperluan harian mereka. Jika golongan fakir dan miskin merupakan seorang tukang kayu, agihan itu harus digunakan untuk membeli alat-alat pertukangan selengkapnya. Jika ia seorang peniaga, berikanlah modal secukupnya bersesuaian dengan perniagaan yang mereka ceburi. Contohnya, peniaga sayur-sayuran dan buah-buahan memerlukan modal sebanyak lima hingga dua puluh dinar. Penjual minyak wangi satu ribu dinar, penjual pakaian dua ribu dinar, pengurup wang lima ribu dinar dan perniagaan intan berlian sepuluh ribu dinar. Bagi asnaf yang tidak mampu berniaga disebabkan sakit kekal atau tiada kemahiran walaupun diberikan latihan bolehlah dibelikan aset sebagai modal pelaburan yang dapat menampung diri dan tanggungannya serta menjadi harta pusaka".

yang diagihkan semula kepada penerima zakat yang lain yang hak mereka sebelum ini sedikit tertunda.

Teknik pengagihan zakat melalui mikro kredit ialah sebahagian daripada isu muamalah. Ia tergolong dalam kelompok muamalah yang hukumnya tiada nas yang terperinci (Armiadi Musa Basyah 2009). Bagi muamalah seperti ini, syariat Islam hanya mengemukakan kaedah-kaedah asas, kriteria-kriteria dan prinsip-prinsip umum yang sejajar dengan objektif syarak yang memberikan manfaat dan tidak membawa mudarat kepada umat manusia. Hukum asal muamalah adalah *ibahah* (harus) selagi tiada dalil yang melarangnya. Oleh itu, pada prinsipnya pelbagai aktiviti muamalah termasuk mikro kredit daripada dana zakat dibolehkan selagi tiada dalil yang melarangnya. Namun ia perlulah tidak terkeluar daripada *maqasid al-shari'ah* yang menjaga kemaslahatan umat manusia.

Ulama' klasik dan ulama' kontemporari berbeza pendapat tentang tiga isu dalam pengagihan zakat. Pertama isu *aqd al-tamlik*. Kedua isu *aqd al-qard al-hasan*. Ketiga isu pelaburan saham (Armiadi Musa Basyah 2009).

Isu pertama ialah tentang hak milik agihan zakat. Ulama' klasik berpendapat bahawa zakat mestilah diagihkan dalam bentuk *aqd al-tamlik*. Dengan itu harta zakat yang diterima adalah hak milik mutlak penerima zakat. Ulama' kontemporari pula berpendapat sebaliknya. Mereka mengatakan bahawa pengagihan zakat tidak semestinya dalam bentuk *aqd al-tamlik*. Ia boleh disesuaikan dengan keperluan semasa dan keadaan semasa (Armiadi Musa Basyah 2009).

Isu kedua ialah tentang akad *al-qard al-hasan*. Ulama' klasik berpendapat bahawa pengagihan dalam bentuk akad *al-qard al-hasan* tidak dibenarkan. Ini kerana harta zakat adalah hak milik mutlak penerima zakat. Ulama' kontemporari pula berpendapat bahawa akad *al-qard al-hasan* adalah dibenarkan bahkan mereka berpendapat akad *al-mudarabah* turut dibenarkan. Kedua-dua akad ini dibenarkan demi *maslahah* umat Islam dan keperluan semasa (Armiadi Musa Basyah 2009).

Isu pertama dan isu kedua mempamerkan hubungannya dengan penggunaan lafaz *li dan fi* iaitu pindahan hak milik dalam pengagihan zakat. Namun pengagihan zakat melalui pembiayaan mikro, bayaran balik kepada pemerintah bukanlah bermakna dana zakat tersebut menjadi hak pemerintah. Bayaran balik itu sebenarnya dana zakat yang diagihkan semula kepada penerima zakat yang lain yang hak mereka sebelum ini sedikit tertunda (Armiadi Musa Basyah 2009).

Isu ketiga ialah tentang pemilikan saham. Ulama' klasik berpendapat bahawa pengagihan dana zakat dalam bentuk pelaburan saham tidak dibenarkan. Pelaburan mestilah dalam bentuk pelaburan sebenar bukannya sekadar dalam bentuk pegangan hak milik. Ulama' kontemporari berpendapat pengagihan zakat dalam bentuk pelaburan saham yang asnaf zakat sebagai pemilik dibenarkan (Armiadi Musa Basyah 2009).

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas bahawa mikro kredit daripada dana zakat tergolong dalam masalah ijtihadi. Menurut al-Qaradawi (1992), teknik pengagihan zakat adalah di bawah bidang kuasa pemerintah.

Namun apa yang dinyatakan oleh al-Qaradawi ini berasaskan kepada tugas pemerintah yang terikat dengan penjagaan masalah umat. Hal ini berdasarkan kaedah *tasarruf al-imam 'ala al-ra'iyah manut bi al-maslahah*. Justeru, walaupun zakat mesti

diagih dengan segera, namun jika ada kemaslahatan yang memerlukan supaya dilewatkan, pemerintah berhak melakukannya. Al-Ru'ayni (1995) menyebutkan dalam *Mawahib al-Jalil fi Sharh Mukhtasar Khalil*:

Pemerintah boleh melambatkan pengagihan zakat hingga ke tahun kedua jika ijtihadnya menunjukkan tindakan tersebut.

Berdasarkan hujah di atas, pemerintah perlu berijtihad dalam hal teknik agihan zakat kerana berkait rapat dengan perubahan sosial. Perkara ini berkait rapat dengan *'urf* dan kemaslahatan masyarakat pada masa dan tempat tertentu. Oleh itu, *maslahah 'ammah* (kepentingan umum) adalah berbeza mengikut perbezaan masyarakat. Ini sesuai dengan sifat universal syariat Islam itu sendiri. Asas yang diguna pakai oleh para ulama' dalam menentukan mekanisme ini ialah *maqasid al-shari'ah*. Oleh kerana mikro kredit melalui dana zakat ini memberi kebaikan kepada masyarakat setempat, maka ia boleh dilaksanakan. Tambahan pula, tiada nas yang melarangnya.

Pengagihan zakat melalui mikro kredit tidak bertentangan dengan konsep *maslahah ammah* yang ingin dicapai. Zakat yang diberikan melalui mikro kredit kepada satu *mustahiq* zakat dalam jumlah tertentu adalah untuk memberikan peluang bagi *mustahiq* berusaha secara lebih maksimum dengan adanya modal yang mencukupi. Hal ini adalah untuk membebaskan dirinya dari kemiskinan dan pada akhirnya *mustahiq* zakat melalui usaha mikro menjadi *muzakki* zakat dikemudian hari. Hal ini pula tidak akan merosak *maslahah* individu *mustahiq* zakat lainnya. Modal mikro kredit yang telah diberikan tersebut akan dikembalikan semula oleh *mustahiq* kepada institusi zakat untuk disalurkan kembali kepada *mustahiq* zakat lainnya.

Melalui mikro kredit ini, umat Islam tidak akan terjebak dengan urusan riba dan akhirnya objektif zakat iaitu membasmi kemiskinan akan tercapai. Ini selari dengan asas *maqasid al-shari'ah* iaitu menarik kebaikan dan menolak kerosakan. Ini bererti maksud dari syariah seperti menjaga agama, jiwa dan kemuliaan tercapai dengan baik. Hal ini lebih bermanfaat berbanding mengagihkan zakat dalam bentuk kepenggunaan kepada *mustahiq* zakat yang mengakibatkan wujudnya kebergantungan mereka pada pengagihan zakat berikutnya, sehingga *mustahiq* zakat tidak akan pernah keluar dari jurang kemiskinan.

Armiadi Musa Basyah (2009) berpendapat bahawa pengagihan zakat dalam bentuk modal kerja melalui mikro kredit ini dikategori dalam peringkat *tahsiniah* iaitu peringkat terendah selepas *hajiyyah* dan *daruriyyah*. Segala usaha untuk memenuhi keperluan *tahsiniah* menimbulkan hukum sunat, manakala tindakan mengabaikan keperluan *tahsiniah* menimbulkan hukum makruh. Oleh sebab itu mikro kredit boleh dilakukan walaupun pungutan zakat masih belum dapat memenuhi keperluan asas untuk semua masyarakat.

Mustahiq yang layak menerima haruslah memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan disertai pemantauan daripada pihak yang bertanggung jawab. Hal ini bagi menjamin pinjaman yang diberikan akan dipulangkan semula.

Menurut Muhammad Yasir Yusuf, keberkesanan mikro kredit ini akan terbukti apabila pemberian zakat produktif dilakukan secara berterusan (Zahri Hamat 2010). *Maslahah* yang bersifat *daruriyyah* pada penerima zakat akan dapat diselesaikan secara

perlahan-lahan tetapi ia pasti berlaku. Setiap penerima zakat yang telah menerima zakat produktif akan berusaha untuk berdikari sehingga ia tidak lagi bergantung kepada zakat. Apabila mereka mampu berdikari, maka mereka bebas daripada kemiskinan. Ini bererti, maksud daripada syariah seperti menjaga agama, jiwa dan kemuliaan tercapai dengan baik. Oleh yang demikian, mikro kredit ini pastinya lebih bermanfaat berbanding agihan zakat dalam bentuk sara diri yang mengakibatkan selamanya mereka bergantung kepada pengagihan zakat. Penerima zakat tidak mungkin akan terkeluar dari putaran kemiskinan.

Al-Qaradawi (2002) dalam *Fiqh al-Zakah* membenarkan penggunaan zakat sebagai hutang. Beliau menukilkan pandangan Abu Zahrah, ‘Abd al-Wahhab Khallaf dan ‘Abd al-Rahman ibn Hasan. Mereka berpandangan bahawa harus memberi hutang kepada golongan memerlukan dari bahagian *al-Gharimin* dan ia hendaklah dilakukan secara sistematik dengan mewujudkan dana khusus. Hujah yang dikemukakan beliau ialah:

1. Mencapai *maqasid* umum kerana secara praktikal, zakat dapat menyumbang dalam memerangi sistem ribawi dan sistem bank konvensional.
2. *Qiyas al-Awla* terhadap pemberian zakat untuk membayar hutang. Jika zakat boleh digunakan untuk membayar hutang justeru penggunaan zakat secara *al-qard al-hasan* yang bebas riba untuk dikembalikan kepada baitulmal adalah lebih utama.

Selain hujah yang dikemukakan, boleh juga berhujah dengan qiyas kepada harta anak yatim. Sebahagian ulama mazhab Shafi’i membenarkannya. Malah ulama dalam keadaan tertentu memberi hutang lebih diutamakan jika ia dapat memeliharanya daripada musnah. Al-Nawawi (t.th., 4: 191) berkata:

Tidak harus bagi seorang qadi menyimpannya (wadi’ah) jika dia mampu memberi memberikannya dalam bentuk hutang.

Hal ini disebabkan penerima hutang bertanggungjawab atas hutang tersebut dalam bentuk *daman*. Di sini masalah menjadi alasan dalam pemberian hutang kerana ia lebih memberi kebaikan kepada anak yatim. Begitu juga dalam kes zakat. Pemerintah dan petugas zakat hendaklah menjadikan masalah asnaf sebagai keutamaan. Malah banyak perkara yang asalnya tidak dibenarkan dilakukan terhadap zakat tetapi dibenarkannya jika ia memberi kemaslahatan kepada zakat dan asnaf zakat. Sebagai contoh para fuqaha membenarkan pemerintah atau petugas zakat menjual zakat yang berbentuk haiwan jika ia dikhuatiri akan binasa atau menghadapi ancaman atau kos penjagaan yang tinggi (Ibn Qudamah t.th., 2: 505; al-Nawawi t.th., 4: 337).

Walau bagaimanapun ia hendaklah dilakukan setelah memenuhi beberapa syarat untuk mencapai masalah yang menjadi sasaran. Masalah yang perlu dilihat bukan hanya kepada penerima hutang sahaja, malah masalah kepada asnaf yang lain juga perlu dipelihara supaya mereka tidak keciciran kerananya. Jika hendak melaksanakan pemberian kredit daripada wang zakat hendaklah dipastikan beberapa perkara, antaranya:

1. Mestilah dapat dijamin hutang tersebut dapat dibayar. Oleh itu ulama yang membenarkan qadi memberi hutang daripada harta anak yatim mensyaratkan hutang hendaklah diberikan kepada orang yang amanah dan tidak miskin (*al-yyasar*) (al-Nawawi t.th., 4: 191). Namun hal ini boleh ditampung dengan mensyaratkan jaminan (*kafalah*) terhadap hutang yang diberikan.

2. Pemberian *qard* (pinjaman) daripada zakat ini mestilah tidak menyebabkan asnaf zakat terhalang daripada menerima hak mereka. Oleh itu, ia tidak dapat dilaksanakan melainkan zakat terkumpul dapat diagih secara sempurna kepada asnaf dengan saksama.
3. Kerajaan perlu mencari alternatif lain untuk membantu para pengusaha kecil memajukan perniagaan mereka dan tidak menjadikan zakat sebagai sasaran untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi terutama apabila masih terdapat ramai asnaf yang memerlukannya.

Hujah di atas menunjukkan ulama' kontemporari melihat kepada *maqasid* kefarduan zakat itu sendiri. Bersesuaian dengan apa yang disebut oleh Ibn Qayyim al-Jawzi (1975) iaitu berubah dan berbezanya fatwa sesuai dengan perubahan tempat, masa, keadaan masyarakat, niat dan adat kebiasaan. Mereka berpendapat pengagihan zakat dalam bentuk akad *al-qard al-hasan*, akad *mudarabah* dan akad *al-murabahah* dibenarkan (al-Qaradawi 2002).

Muhammad Abdul Mannan (1989) menyatakan projek-projek yang dibiayai menggunakan dana zakat dalam bidang pendidikan, kesihatan, kebajikan sosial, dan lain-lain akan meningkatkan produktiviti golongan miskin dengan memenuhi keperluan asas mereka. Pendapatan golongan miskin akan meningkat sebagai kesan dari peningkatan produktiviti.

Muhammad Anwar (1995) juga turut berpandangan perlu ada perancangan projek jangka pendek dan jangka panjang dalam program-program pembangunan golongan miskin. Beliau mengkaji tentang potensi sumbangan zakat dalam membiayai projek-projek pembangunan jangka panjang untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin. Menurut beliau, selain daripada digunakan untuk penggunaan jangka pendek dan semasa, dana zakat juga boleh digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan jangka panjang yang akan mendatangkan faedah jangka panjang kepada golongan fakir dan miskin dalam masyarakat. Berdasarkan kajiannya, penggunaan dana zakat sebegini dibenarkan dalam Islam.

Antara bentuk agihan yang boleh dilaksanakan melibatkan tiga sektor utama. Pertama, mikro kredit untuk sektor perdagangan menggunakan *al-qard al-hasan* iaitu pemberian pinjaman tanpa dikenakan apa-apa bayaran tambahan. Ansuran bulanan mestilah dibuat sesuai dengan jumlah pembiayaan yang diterima untuk tempoh selama setahun.

Kedua, mikro kredit untuk sektor penternakan pula menggunakan akad *al-mudarabah* iaitu satu bentuk kerjasama antara dua pihak di mana pemilik modal (*sahib al-amal*) menyediakan sejumlah modal kepada pengusaha (*mudarib*). Perkongsian keuntungan antara mereka dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat (Abdul Rahim Abdul Rahman 2010). Modal kerja disediakan dalam bentuk haiwan ternakan. Ia melibatkan ternakan lembu dan kambing.

Ketiga, pembiayaan di sektor pertanian juga menggunakan *al-qard al-hasan*. Para peserta di sektor pertanian diagihkan zakat dalam bentuk sara hidup semasa menunggu hasil tanaman mereka dituai. Apabila hasil tanaman telah dituai, ansuran modal kerja

yang diambil perlulah dibayar sepenuhnya. Bagi mereka yang tidak mampu membayar sepenuhnya, maka ansuran dibuat bersesuaian dengan kemampuan masing-masing.

KESIMPULAN

Kesimpulannya agihan zakat melalui mikro kredit merupakan salah satu mekanisme pelaburan secara langsung berkaitan dengan golongan fakir dan miskin. Amalan seperti ini tergolong dalam kelompok muamalah yang hukumnya tidak ditunjukkan secara eksplisit oleh nas bahkan diserahkan sepenuhnya kepada ijtihad para ulama' untuk memenuhi keperluan dan hajat hidup manusia sepanjang zaman, tempat, situasi dan kondisi masyarakat demi untuk mewujudkan kemaslahatan penerima zakat khasnya masyarakat fakir miskin khususnya peniaga-peniaga kecil.

Pengagihan zakat dalam bentuk modal kerja melalui mikro kredit tidak bertentangan dengan teori *maslahah* yang ingin dicapai. Dengan adanya modal kerja yang cukup, usahawan kecil akan mampu membebaskan diri daripada kemiskinan dan akhirnya akan menjadi pembayar zakat.

Ini bererti, *maqasid al-shari'ah* seperti menjaga agama, jiwa dan kemuliaan tercapai dengan baik. Oleh yang demikian, mikro kredit ini pastinya lebih bermanfaat berbanding agihan zakat dalam bentuk sara diri yang mengakibatkan selamanya mereka bergantung kepada pengagihan zakat. Penerima zakat tidak mungkin akan terkeluar dari putaran kemiskinan.

Ini menunjukkan bahawa berasaskan *maqasid al-shari'ah* dan *maslahah*, bantuan modal dalam bentuk mikro kredit daripada dana zakat adalah dibolehkan oleh Islam. Ini kerana akhirnya golongan yang menerima zakat akan berpeluang untuk bertukar menjadi pembayar zakat. Hal ini akan turut menyumbang kepada peningkatkan amaun kutipan zakat dan seterusnya pengurangan bilangan golongan yang miskin.

RUJUKAN

- 'Abd Allah Muhammad Salih. 2000. *al-Maslahah al-Mursalah wa Tatbiqatuha al-Mu'asirah*. Majallat Jami'at Dimashq 12 (1): 353-384.
- Abdul Aziz Muhammad. 1993. *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Abdul Aziz, V.K. 2010. *Microfinance – Best Tool for Poverty Eradication*. <http://arabnews.com/economy/islamicfinance/article51900.ece>.
- 'Abd Rahim Ya'qub. 1431H/2010M. *Taysir al-Wusul ila 'Ilm al-Usul*. Riyad: Maktabat al-'Abikan.
- Abdul Rahim Abdul Rahman. 2010. Islamic microfinance: An ethical alternative to poverty alleviation. *Humanomics*, 26(4), 284-295.
- Abu Ubayd al-Qasim Salam. 2007. *Kitab al-Amwal*. Misr: Dar al-Huda al-Nabawi li al-Nashr wa-al-Tawzi'.
- Ahmad Hidayat Buang. 1999. Kutipan dan agihan zakat di wilayah persekutuan kuala lumpur bagi tempoh 1985-1995: satu pemerhatian. *Jurnal Syariah* 7(2): 141-156.
- Armiadi Musa Basyah. 2009. *Pentadbiran Zakat di Baitul Mal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin*. Tesis Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1402H/1982M. *Dawabit al-Maslahah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.

- Hasanah Abd Khafidz. 2006. Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan Pentafsirannya di Malaysia. Tesis Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ibn Qayyim al-Jawzi. 1975. *T'lam al Muwaqqi'in 'an Rabba al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Jayl.
- Ibn Qudamah. t.th. *al-Mughni*. Jil. 2. Kaherah: Maktabat al-Qahirah.
- al-Marbawi, Muhammad Idris. 1935. *Qamus Idris al-Marbawi 'Arabi-Malayuwi / Biqalam Muhammad Idris 'Abd al-Ra'of al-Marbawi*. Beirut Dar al-Fikr.
- Mohamad Kamil Ab. Majid. 2009. Zakat untuk Graduan Menganggur Mulakan Perniagaan. MindaMuslim.com.
- Mohd. Saleh Hj. Ahmad. 1999. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Hj. Abdul Majid.
- Muhammad Abdul Mannan. 1986. *Islamic Economics: Theory and Practice*. Cambridge: The Islamic Academy.
- Muhammad Anwar.1995. Financing Socio-Economic Development With Zakat Funds. *Journal Of Islamic Economics*, 4(1&2), 7-18.
- Mujaini Tarimin. 2005. *Golongan Penerima Zakat: Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara.
- al-Munjid fi al-lughah wa al-a'lam*. 2001.Tab'ah jadidah munaqqahah. Beirut : Dar al-Fiqh lil-Tiba'ah wa al-Nashr.
- al-Nawawi, Muhyi al-Din Abu Zakariya Yahya ibn Sharf. 1996. *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab li al-Shirazi*. Kaherah. Al- Matba'ah al- Muniriyyah.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din ibn Sharaf. t.th. *Rawdat al-Talibin wa 'Umdat al-Muftin*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1984. *Athar al-Zakat fi Afrad wa al-Mujtama'*, Majallat Majma' al-Fiqh al-Islami.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1992. *Fatwa antara ketelitian dan kecerobohan*. Terj. Ahmad Nuryadi Asmawi. Batu Caves: Thinker's Library Sdn.Bhd.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1994. *Fiqh Az-Zakat - Dirasah Muqaranah Li Ahkamiha Wa Falsafatiha Fi Daw' Al-Quran Wa Al-Sunnah*. Qaherah: Maktabat Wahbah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2002. *Fiqh al-Zakat*. Beirut. Muassasah al-Risalah.
- al-Qarafi, Ahmad ibn Idris.1995. *al-Ihkam Ihkam*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Raziah Md. Tahir. 2010. *Mekanisme Operasi Pembiayaan Mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) : Satu Analisis Daripada Perspektif Islam*. Tesis PHD. Universiti Sains Malaysia.(tidak diterbitkan)
- Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2008. Pelaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan. Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia.
- Al-Ru'ayni, Muhammad bin Muhammad. 1995. *Mawahib al-Jalil fi Sharh Mukhtasar Khalil*. Jil. 2. Beirut : Dar al Kutub al 'Ilmiyah.
- al-Shatibi, Abi Ishak. 2005. *Al-Muafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa ibn Muhammad. t.th. *al-I'tisam*. Tahqiq Muhammad Rashid Rida. t.tp.: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- al-Suyuti, Jalaluddin Abdul Rahman ibn Abu Bakar. 1998. *Kitab Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Shafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Zahri Hamat. 2010. Kelestarian Pengagihan Dana Zakat di Baitul Mal Aceh. Kertas kerja International Seminar Economic Regional Development, Law and Governance in Malaysia and Indonesia. Anjuran Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Riau, Pekan Baru, Indonesia.
- al-Zarqa', Mustafa Ahmad. 1989. *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*. bil 3, vol. 1.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1998. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Vol. 1. Dimashq: Dar al-Fikr.

Nurul Ilyana Muhd Adnan
 ilyana_adnan@ukm.edu.my
 Jabatan Syariah,
 Fakulti Pengajian Islam,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 Bangi, Selangor,
 MALAYSIA

Zahri Hamat
zahri@usm.my
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM Penang,
Pulau Pinang,
MALAYSIA

Mohammad Zaini Yahaya
zainiyahya@ukm.edu.my
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor,
MALAYSIA

Mat Noor Mat Zain
mnmz@ukm.edu.my
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor,
MALAYSIA

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 2(1) (2017)

Editor-In-Chief

Dr. Mohd Al Adib Samuri

Co-Editor

Dr. Salmy Edawati Yaacob

Senior Editors

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Ibnor Azli Ibrahim

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 2(1) (2017)

Published by:

Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Suggested citation style

Author, (2017), Title, Journal of Contemporary Islamic Law, 2(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.